

Sesiapa saja boleh disiasat: Dr Mahathir

Putrajaya: Perdana Menteri berkata, pihak berkuasa boleh menyiasat sesiapa saja termasuk beliau berhubung kes projek pertukaran tanah Kementerian Pertahanan.

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, tiada sesiapa di negara ini yang berada di atas undang-undang, termasuk perdana menteri.

“Polis akan siasat perdana menteri juga, tiada sesiapa berada di atas undang-undang,” katanya pada sidang media selepas melancarkan myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam dan Panduan Penetapan Tempoh Masa Dalam Carta Alir di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya pemberita berhubung rumusan laporan akhir jawatankuasa siasatan Kementerian Pertahanan berhubung projek pertukaran tanah yang menunjukkan berlaku ‘pertimbangan politik melebihi kepentingan kerajaan’.

Tak sebut nama secara spesifik

Ketika membentangkan laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan di Dewan Negara baru-baru ini, Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu, dilaporkan berkata kepentingan politik berlaku dalam 13 daripada 16 transaksi pertukaran tanah sejak 1997.

Walaupun tidak menyebutkan nama secara spesifik, Mohamad berkata, perdana menteri dan menteri pertahanan dalam pentadbiran sebelum ini turut terbabit dalam urusan berkenaan.

Bagaimanapun, pada sidang akhbar suhulan pada hari sama, Mohamad menafikan pembabit Dr Mahathir dalam kes berkenaan.